

KESIHATAN SEKSUAL DAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA BERISIKO

(*Sexual Health and Social Media Usage among At-Risk Youth*)

Nasrudin Subhi, Nur Alya Abdul Razak & Rozita Ibrahim*

ABSTRAK

Dalam zaman serba moden yang penuh pelbagai cabaran, isu kesihatan seksual dan penggunaan media sosial wajar dikaji terutama dalam kalangan remaja. Kepesatan dalam kemajuan media sosial berupaya membawa kesan kebaikan mahupun keburukan justeru ia bergantung kepada kebijaksanaan si pengguna. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesihatan seksual dan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja berisiko khususnya yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat/ Awam (PPR/ PPA) yang mempunyai program GENIUS Remaja. Kajian ini berbentuk kajian campuran menggabungkan kaedah kuantitatif menggunakan survei dan kaedah kualitatif menggunakan temu bual kumpulan berfokus. Bagi kajian kuantitatif seramai 84 orang remaja terlibat sebagai responden secara sukarela. Mereka merupakan individu yang terlibat menyertai program GENIUS Remaja di kawasan perumahan mereka. Sebanyak empat buat projek perumahan terlibat dalam kajian ini iaitu PPR Pantai Ria, PPR Seri Pantai, PPA Desa Rejang dan PPR Kampung Muhibbah. Responden diberikan satu set soal selidik yang terkandung aspek kesihatan seksual dan penggunaan media sosial. Bagi kajian kualitatif pula seramai lima orang responden telah dipilih berdasarkan markah terendah yang diperoleh menerusi keputusan survei yang dilakukan. Temu bual kumpulan berfokus ini mengambil masa sekitar 1 jam 15 minit. Analisis kajian menggunakan kaedah deskriptif, inferensi (korelasi Pearson) dan juga analisis tema. Hasil kajian mendapati kedua isu ini iaitu kesihatan seksual dan penggunaan media sosial berada di tahap sederhana dan masih terkawal. Korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah tetapi signifikan ($r = 0.355, p < 0.01$) di antara penggunaan media sosial dengan kesihatan seksual. Kesimpulannya isu kesihatan seksual dan juga penggunaan media sosial perlu terus dipantau dan diberi perhatian agar remaja berupaya bersifat asertif bagi menjamin kehidupan yang lebih sejahtera di masa akan datang.

Kata kunci: kesihatan seksual, media sosial, remaja berisiko, B40, PPR

ABSTRACT

In a modern age full of various challenges, sexual health issues and the use of social media should be studied, especially among youth. The rapid progress of social media is able to bring good or bad impact, therefore, it depends on the wisdom of the user. This study aims to examine sexual health and the use of social media among at-risk youth, especially those living in the People/ Public

Housing Project (PPR/ PPA) areas that have the GENIUS Remaja program. This study uses mixed method combining quantitative methods using survey and qualitative methods using focus group discussion. For the quantitative study, a total of 84 youth were involved as respondents voluntarily. They are the individuals involved in participating in the GENIUS Remaja program within their residential area. Four housing projects were involved in this study, namely PPR Pantai Ria, PPR Seri Pantai, PPA Desa Rejang and PPR Kampung Muhibbah. Respondents were given a set of questionnaires that contained aspects of sexual health and social media usage. For the qualitative study, five respondents were selected based on the lowest marks obtained through the survey results taken. This focus group discussion took about 1 hour 15 minutes. The analysis of the study used descriptive and inference (Pearson correlation) methods as well as theme analysis. The results of the study found that two issues that are sexual health and media social usage are at a moderate level and still under control. Pearson correlation showed a weak but significant positive relationship ($r = 0.355$, $p < 0.01$) between social media use and sexual health. In conclusion, sexual health issues as well as the use of social media need to be continuously monitored and given attention so that adolescents can be assertive to ensure a more prosperous life in the future.

Keywords: sexual health, social media, at-risk youth, B40, PPR

PENDAHULUAN

Golongan muda hari ini bakal menjadi pemimpin negara di masa hadapan. Oleh yang demikian tenaga fizikal dan mental mereka pada hari ini harus disalurkan dengan cara yang betul supaya mereka mampu mentadbir negara dengan baik kelak. Namun, segelintir golongan ini menghadapi cabaran dalam memelihara diri sendiri daripada terjebak ke dalam kancang sosial sehingga menyebabkan mereka terlibat dalam pelbagai aktiviti berisiko seperti penyalahgunaan bahan, melepak, merempit, vandalisme dan aktiviti seksual seperti pornografi serta seks di luar nikah. Pelbagai intervensi dan program dijalankan bagi membantu golongan remaja berisiko ini di pusat komuniti bagi memastikan mereka tahu bahawa mereka mempunyai tanggungjawab besar dalam masyarakat serta tenaga mereka diperlukan dalam membantu memacu pembangunan negara kelak. Remaja dikatakan sebagai golongan yang bersifat rapuh dan mudah diserang oleh perkara sekeliling baik positif maupun negatif. Sikap mudah terpengaruh ini menjadikan mereka lebih terdedah dengan pemikiran negatif jika tidak dibentuk dengan baik oleh ibu bapa dan golongan yang lebih dewasa. Pendirian diri yang lemah seterusnya akan menyebabkan remaja ini mudah terjebak dalam gejala sosial. Remaja yang bersifat ingin mencuba dan lebih mengejar kebebasan akan cenderung untuk mengabaikan kata-kata ibu bapa dan golongan yang lebih dewasa kerana impian mereka bertentangan dengan apa yang remaja tersebut inginkan. Hal ini seterusnya meningkatkan tekanan dalam diri remaja tersebut dan ada sebahagian mereka yang tidak mampu mengawalnya dengan baik sehingga melibatkan diri dengan aktiviti tidak berfaedah.

Antara isu yang sering kali dikaitkan dengan remaja masa kini adalah berkaitan masalah kesihatan seksual dan juga penggunaan media sosial. Kedua isu ini sangat berkait antara satu sama lain. Ini memandangkan kebanyakan remaja kini mudah mendapat capaian internet melalui pelbagai peranti yang mereka ada terutamanya telefon pintar. Sehubungan dengan itu,

penggunaan media sosial juga telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden masa kini termasuk dalam kalangan remaja. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2018 menunjukkan golongan belia telah terjebak dengan permasalahan era digital yang dikenali sebagai '*digital drug*' di mana purata penggunaan internet rakyat Malaysia adalah selama enam jam sehari yang mana majoriti (93.1%) pengguna mengakses menerusi telefon pintar (Bernama, 2019). Shahrul Nazmi et al. (2019) dalam kajian terhadap remaja PPR mendapati sebanyak 36.5 peratus mengakui pernah melihat gambar-gambar lucu melalui media sosial dan faktor kesihatan seksual menyumbang 4.2 peratus varians terhadap penggunaan media sosial. Memandangkan kawasan PPR diklasifikasikan sebagai berisiko dengan kata lain kawasan ini banyak berlaku gejala sosial termasuk juga salah laku yang melibatkan jenayah. Justeru, kebarangkalian remaja di kawasan ini turut terjebak dalam isu sosial dan jenayah juga adalah tinggi. Oleh itu, objektif kertas kerja ini cuba untuk mengkaji tahap kesihatan seksual dan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja berisiko terutama yang tinggal di flat PPR sekitar Kuala Lumpur.

KAJIAN LITERATUR

Remaja dan Penggunaan Media Sosial

Negara dan dunia pula semakin hari semakin maju. Teknologi siber dilihat sebagai suatu perkara yang sangat penting dalam dunia hari ini. Kepesatan pembangunan industri komunikasi dan maklumat mencerminkan kemajuan teknologi sesebuah negara (Sohana, 2016). Malaysia sedang menggunakan teknologi internet 4G namun beberapa negara yang lebih maju telah pun mula menggunakan teknologi internet 5G. Tidak dinafikan kehidupan manusia di zaman moden ini amat bergantung kepada kepantasannya internet. Pengaruh media sosial terhadap tingkah laku sosial sesebuah masyarakat tidak dapat dinafikan kesannya. Dalam berhubung antara satu sama lain, penggunaan media sosial semakin hari semakin mendapat perhatian. Kewujudan media sosial memberikan ruang dan peluang kepada orang ramai termasuk remaja cara baharu untuk berinteraksi dan berkomunikasi di antara satu sama lain di serata dunia (Shahjahan & Chisty, 2014). Menerusi wadah ini mereka berpeluang untuk membina profil awam yang membolehkan mereka berhubung dan berkongsi pandangan dengan rakan-rakan dan juga orang yang tidak dikenali (Choudhary & Saha, 2015).

Pelbagai bentuk aplikasi telah dicipta untuk membolehkan manusia berhubung secara maya di antara satu sama lain antaranya termasuklah *YouTube*, *Whatapps*, *Twitter*, *Telegram*, *Instagram*, *WeChat* dan *TikTok*. Permainan dalam talian juga semakin bersifat interaktif di mana kita manusia boleh bermain dan bersaing di antara satu sama lain secara dalam talian. Antara permainan dalam talian yang popular dewasa ini termasuklah *Mobile Legend* dan *Dota*. Secara tidak langsung manusia menjadi bergantung kepada penggunaan media sosial dan kini lebih cenderung menjalani kehidupan sosial secara maya berbanding menjalannya secara bersempua dalam alam realiti (Miller et al., 2016). Dalam konteks keluarga, penggunaan media sosial dalam keluarga boleh memudahkan serta meningkatkan komunikasi dan perhubungan sesama ahli lebih-lebih lagi dalam keadaan situasi pandemik sekarang ini yang telah membataskan

pergerakan fizikal kita semua. Hal ini bukan sahaja berlaku di antara ahli keluarga terdekat malah turut melibatkan sanak saudara dan sahabat handai tidak kira di mana mereka berada. Mengikut norma baharu ziarah menziarahi telah berlaku secara dalam talian.

Ibu bapa sewajarnya berperanan dalam memantau penggunaan media sosial anak-anak mereka. Hal ini adalah sebahagian daripada tindakan kawalan sosial tidak formal. Kawalan ibu bapa dalam penggunaan media sosial anak-anak mereka dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap media sosial di mana hal ini berkait dengan tahap pendidikan ibu bapa sendiri (Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi, 2019). Shahrul Nazmi et al. (2019) melalui kajian mereka terhadap remaja B40 yang tinggal di flat PPR mendapati tahap penggunaan media sosial mereka adalah di tahap sederhana (70.9%). Hanya sebahagian kecil di tahap tinggi (15.6%) dan rendah (13.5%). Penggunaan media sosial berlebihan kebiasaan berpunca daripada telefon pintar dan hal ini membawa kesan negatif kepada keupayaan mereka bersosialisasi secara bersemuka (Syed Ahmad Muhajir Alhaddad et al., 2018).

Remaja dan Kesihatan Seksual

Remaja adalah zaman peralihan di antara kanak-kanak dan dewasa. Pada waktu ini biasanya remaja mula memberi lebih perhatian kepada perkembangan dan identiti diri (Schwartz, 2008). Apabila kanak-kanak mengalami baligh bermakna dia sudah memasuki fasa seterusnya menuju kedewasaan. Walaupun seorang remaja telah pun dianggap matang dari segi biologi setelah melalui proses baligh namun kematangan sosial dan juga intelektual hanya akan berlaku beberapa tahun ke hadapan (Coon & Mitterer, 2012). Di usia remaja keinginan seksual sudah mula timbul dan perkara ini seringkali diasak dengan perasaan ingin tahu remaja itu sendiri. Tidak hairanlah kita biasa mendengar istilah “Cinta Monyet” yang seringkali dilontarkan terhadap golongan remaja dalam bercinta. Dengan kata lain, cinta yang mereka jalinkan tidak bertahan lama atau mudah beralih arah dengan perubahan masa dan keadaan sekeliling. Justeru, dalam berhadapan dengan dunia hari ini yang tanpa sempadan tidak dinafikan remaja kita perlu dipersediakan dengan segala ilmu bagi menjamin kesihatan seksual mereka berada di tahap terbaik. Definisi kerja yang dikeluarkan oleh WHO (2006) berkenaan kesihatan seksual adalah:

...a state of physical, emotional, mental and social well-being in relation to sexuality; it is not merely the absence of disease, dysfunction or infirmity. Sexual health requires a positive and respectful approach to sexuality and sexual relationships, as well as the possibility of having pleasurable and safe sexual experiences, free of coercion, discrimination and violence. For sexual health to be attained and maintained, the sexual rights of all persons must be respected, protected and fulfilled.

Secara holistiknya kesihatan seksual ini menjurus berkenaan kesejahteraan merangkumi isu seperti orientasi seksual, identiti gender, ekspresi seksual, perhubungan dan kenikmatan dan bukannya sekadar sihat akibat terhindarnya penyakit berkaitan seksual (WHO, 2021). Remaja dan telefon pintar atau android tidak boleh dipisahkan lagi dalam dunia kehidupan moden kini tambah lagi dalam norma baharu akibat pandemik Covid-19 pembelajaran bersemuka di sekolah semuanya telah berubah secara dalam talian bagi mengelakkan penularan. Malah telefon pintar atau android

tidak lagi dilihat sebagai lambang kemewahan malah kita ia dilihat lebih sebagai simbol keperluan. Tambahan harga jauh lebih murah kini dan bersifat mampu milik. Justeru, tidak hairan ramai remaja yang kini mempunyai telefon pintar atau android mereka sendiri sama ada atas pemberian ibu bapa mahupun atas usaha mereka sendiri. Perkara ini tidak terkecuali bagi remaja B40 kerana mereka mampu memiliki dengan sedikit masa apabila mula menabung dan berjimat cermat. Seiring kebaikan dan kelebihan yang dibawa telefon pintar ia turut membawa segala keburukan yang ada di dunia ini ke hujung jari si pengguna termasuklah segala hal yang boleh menggugat kesejahteraan kesihatan seksual seseorang remaja.

Nasrudin et al. (2020) telah mengkaji tahap kesihatan seksual remaja berisiko khususnya yang tinggal di kawasan PPR sekitar ibu kota Kuala Lumpur. Mereka mendapati bahawa tahap kesihatan seksual remaja berada di tahap yang rendah (77.5%) daripada 244 responden yang dikaji. Mereka turut mendapati bahawa penggunaan media sosial adalah penyumbang utama yang memberi kesan kepada kesihatan seksual remaja yang dikaji. Jenayah seksual juga boleh terjebak melalui penggunaan media. Haja Mydin et al. (2016) menjalankan kajian terhadap remaja di pusat pemulihan yang telah terjebak dalam jenayah seksual dan mendapati bahawa media juga merupakan faktor yang mendorong remaja lelaki di sana ke arah melakukan tindakan seksual. Terdapat remaja yang mengenali pasangannya melalui laman *Facebook*, sering melepak di kafe siber, dan ada juga yang sering menonton video lucu sebelum berborak tentang seks bersama rakan-rakan.

Program GENIUS Remaja

Dalam usaha membantu menangani pelbagai masalah remaja berisiko dalam komuniti khususnya yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat/ Awam (PPR/ PPA) sekitar ibu kota Kuala Lumpur maka kerajaan sejak sedekad lalu telah menujuhkan program GENIUS Remaja. Program ini bertujuan untuk membantu memperkasa remaja berisiko yang juga tergolong dalam golongan B40 agar mereka juga mampu berjaya dan menyumbang kepada masyarakat dan negara suatu hari nanti. Matlamat program GENIUS Remaja adalah untuk mengisi masa lapang serta membantu mengelakkan remaja terjebak ke dalam kancah permasalahan sosial yang berkemungkinan membawa kepada aktiviti jenayah. Seperti yang kita semua sedia maklum, flat PPR/ PPA bersaiz kecil. Justeru, kebiasaan remaja-remaja ini kebiasaanannya lebih banyak menghabiskan masa mereka di luar rumah. Aktiviti melepak menjadi suatu norma di kawasan flat PPR/ PPA. Oleh itu, program GENIUS Remaja menyediakan ruang untuk remaja-remaja ini beraktiviti dalam suasana yang selesa dan selamat. Program ini mendapat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga persatuan penduduk setiap PPR/ PPA berkenaan.

Program GENIUS Remaja menyediakan pengisian hujung minggu dengan menyajikan kelas-kelas kemahiran hujung minggu yang remaja sendiri gemari. Di antara kelas-kelas kemahiran ini termasuklah: (i) kek dan pastri, (ii) fotografi, (iii) kecantikan, (iv) vokal dan musik dan (v) *button badge*. Kelas ini disediakan secara percuma seminggu sekali. Remaja yang boleh mendaftar masuk ke dalam program adalah mereka yang berumur di antara 13 tahun hingga 19 tahun. Menerusi kelas-kelas kemahiran ini para remaja akan disemai dengan 25 aset positif yang telah dikenal pasti melalui kajian awal. Aset positif yang ingin dipupuk ini terbahagi kepada aset

dalam (contoh: integriti, keyakinan diri dan emosi positif) dan aset luaran (contoh: sokongan keluarga, komunikasi keluarga dan keselamatan). Program GENIUS Remaja telah memulakan aktiviti pada 2010 di PPR Pantai Ria dan kemudiannya berkembang kepada tiga lagi kawasan penempatan; PPR Seri Pantai (2012), PPA desa Rejang (2014) dan PPR Kampung Muhibbah (2016). Sehingga kini bilangan peserta dan alumni telah hampir mencecah 7,000 orang remaja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mempunyai reka bentuk kajian campuran antara kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah survei manakala kajian kualitatif menggunakan temu bual kumpulan berfokus. Kajian kuantitatif berbentuk survei melibatkan seramai 84 orang responden remaja yang berdaftar di bawah program komuniti GENIUS Remaja di empat buah lokaliti iaitu PPR Seri Pantai PPR Pantai Ria, PPA Desa Rejang dan PPR Kampung Muhibbah. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bilangan responden yang perlu dijadikan sampel kajian ialah seramai 80 orang. Teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada jenis pensampelan bertujuan. Ini adalah kerana mereka wajib menyertai program komuniti GENIUS Remaja untuk layak dikira sebagai responden kajian. Mereka yang terpilih diminta untuk melengkapkan soal selidik yang mengandungi 25 soalan ringkas. Penyelidik telah menerangkan kepada responden tentang hak mereka dalam kajian ini. Keterlibatan responden dalam kajian ini adalah secara sukarela dan sebelum memulakan kajian mereka dikehendaki menandatangani Borang Persetujuan Termaklum. Soal selidik ini memerlukan sekitar 15 hingga 20 minit untuk lengkap diisi.

Bagi kajian kualitatif berbentuk temu bual kumpulan berfokus ia melibatkan seramai lima orang responden. Mereka ini dipilih daripada kalangan yang mendapat markah rendah dalam soal selidik yang telah ditadbir terlebih dahulu. Temu bual kumpulan berfokus ini mengambil masa sekitar 1 jam 15 mint. Sebagai panduan, penyelidik menggunakan protokol temu bual separa berstruktur untuk membantu dalam memandu arah fokus temu bual yang dijalankan. Dalam kajian fenomenologikal ini, walaupun penyelidik perlu tahu informasi yang ingin diperoleh melalui perkongsian namun penyelidik haruslah mengelak daripada berkongsi pendapat sendiri. Sebaliknya, memberi peluang kepada responden perbincangan untuk berkongsi pengalaman mereka sendiri. Satu set soal selidik yang mengandungi 25 soalan merangkumi empat domain iaitu komitmen terhadap sekolah (6 item), pengetahuan asas fardu ain (6 item), penggunaan media sosial (6 item), dan kesihatan seksual (7 item) digunakan dalam kajian ini. Artikel jurnal ini hanya membincangkan dua daripada empat domain yang dikaji iaitu penggunaan media sosial dan kesihatan seksual. Domain penggunaan media sosial meminta individu untuk melihat cara mereka menggunakan media sosial iaitu sama ada mereka mendapatkan lebih banyak informasi di sana berbanding televisyen, kepercayaan terhadap penghebahan berita, pengalaman melihat gambar-gambar lucah, penggunaan untuk aktiviti berfaedah dan perniagaan dalam talian, serta masa yang diluangkan dibandingkan antara menggunakan media sosial atau bersama keluarga. Manakala domain kesihatan seksual yang merangkumi 7 item, iaitu 6 item asal dan 1 item tambahan, "Saya mempunyai rakan yang terlibat dalam salah laku seksual." bagi melihat faktor rakan dalam domain ini. Item-item dalam domain ini merangkumi perihal individu berkaitan seksual mereka iaitu

keselesaan individu dengan orientasi seksual mereka, keadaan mereka jika ada tarikan seksual kepada rakan sejantina, pengalaman mereka dalam melakukan ciuman berahi, seks oral dan seks, pendapat tentang seks tanpa nikah dan juga item yang bertanyakan sekiranya mereka memiliki rakan yang terlibat dalam salah laku seksual. Item terakhir ini adalah bagi mengenal pasti jika kesejahteraan kesihatan seksual ini turut dipengaruhi oleh rakan individu selain dirinya sendiri. Instrumen kajian telah dibangunkan oleh Fauziah et al. (2017) untuk kegunaan Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA), UKM. Pilihan jawapan menggunakan skala Likert 4-mata iaitu: 1) Sangat Tidak Setuju, 2) Tidak Setuju, 3) Setuju, dan 4) Sangat Setuju. Nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*) instrumen kajian ini ialah 0.724.

Dapatan kajian dianalisis menggunakan pengisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 22.0. Ujian deskriptif dijalankan bagi melihat frekuensi keseluruhan responden mengikut umur, jantina dan PPR. Ujian korelasi Pearson dijalankan bagi melihat korelasi antara boleh ubah sekiranya terdapat hubungan yang signifikan. Manakala analisis bagi temu bual kumpulan berfokus bermula dengan melakukan transkripsi terhadap rakaman yang telah dilakukan. Verbatim yang lengkap dibaca berulang kali untuk difahami kandungan isinya. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema yang kerap muncul berdasarkan kenyataan responden. Tema-tema yang berkaitan kemudiannya diguguskan membentuk tema yang lebih padu. Melalui analisis tema, pengkaji mampu melaporkan pengalaman, makna dan realiti kehidupan (Braun & Clarke, 2006). Seterusnya, bagi tujuan sebarang bentuk pelaporan atau penulisan nama-nama responden yang terlibat tidak dinyatakan (Sofiah et al., 2016), sebaliknya diberi nama samaran. Tindakan ini bertujuan untuk menjaga etika penyelidikan yang mensyaratkan makumat responden perlu dilindungi dan tidak dapat dikenali umum bagi mengelakkan sebarang gangguan, ancaman dan salah interpretasi terhadap mereka (Cresswell, 2012).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat Demografi

Kajian kuantitatif telah melibatkan seramai 84 orang responden yang bersetuju untuk terlibat secara sukarela. Mereka telah diberikan satu soal selidik tentang skop kajian yang hendak dikaji. Jadual 1 merupakan ringkasan bagi demografi responden kajian ini. Responden berumur di antara 12 tahun hingga 21 tahun dengan min umur adalah 15.5 tahun. Seramai 34 orang responden (40.5%) lelaki dan 50 orang responden (59.5%) perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Mereka ini berasal dari tiga kawasan Projek Perumahan Rakyat/Awam (PPR/PPA) iaitu seramai 26 orang responden (31.0%) dari PPR Seri Pantai dan Pantai Ria, Pantai Dalam, 26 orang responden (31.0%) dari PPR Kampung Muhibbah dan seramai 32 orang responden (38.0%) dari PPA Desa Rejang.

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden bagi Ujian Pra (n = 84)

	Ciri-ciri	Bilangan	Peratus	
Umur	12 tahun	1	1.2	
	13 tahun	12	14.3	
	14 tahun	12	14.3	
	15 tahun	14	16.6	
	16 tahun	22	26.2	
	17 tahun	16	19.0	
	18 tahun	2	2.4	
	19 tahun	3	3.6	
	21 tahun	2	2.4	
	Lelaki	34	40.5	
Jantina	Perempuan	50	59.5	
	Kawasan Tempat Tinggal	PR Seri Pantai & Pantai Ria, Pantai Dalam	26	31.0
	PPR Kampung Muhibbah	26	31.0	
	PPA Desa Rejang	32	38.0	
Jumlah		84	100.0	

Kesihatan Seksual

Dapatan bagi item yang terdapat dalam domain kesihatan seksual boleh dilihat secara terperinci melalui Jadual 2. Ujian deskriptif menunjukkan bahawa seramai 18 orang responden (21.4%) berasa tidak selesa dengan jantina atau orientasi seksual mereka manakala tiga orang responden (3.6%) daripada keseluruhan responden mengakui mempunyai tarikan seksual kepada rakan sejantina. Sebilangan kecil iaitu seramai tujuh orang responden (8.4%) menyatakan bahawa mereka pernah melakukan ciuman berahi dengan pasangan, dua orang responden (2.4%) pernah melakukan seks oral dan dua orang responden (2.4%) juga pernah melakukan seks. Tiga (3.6%) daripada 84 orang responden ini berpendapat bahawa seks tanpa nikah adalah OK dan 28 orang responden (33.4%) menyatakan bahawa mereka mempunyai rakan yang terlibat dalam salah laku seksual.

Dalam masa yang sama, kajian ini turut memperoleh hasil kajian menerusi temu bual kumpulan fokus yang dijalankan kepada lima orang responden. Responden ditanya tentang kefahaman mereka terhadap kesihatan seksual. Jelas ada di antara responden yang tidak faham tentang maksud kesihatan seksual. Antara mereka termasuk Johan menyatakan bahawa beliau tidak tahu apa itu kesihatan seksual. Berkemungkinan mereka ini adalah terdiri daripada umur

awal remaja dan masih kurang terdedah dengan perkara yang berkaitan seksualiti. Sebanyak 46.4 peratus responden kajian adalah terdiri daripada mereka yang berumur 15 tahun ke bawah. Berbeza dengan Farah yang merupakan antara dua responden tertua yang berumur 21 tahun, beliau menyatakan, “Terlalu banyak bergaul”. Pergaulan bebas dan seseorang itu dikira sihat secara seksual apabila beliau bebas daripada gangguan individu lain yang boleh merosakkan dirinya” sebagai respons terhadap kefahaman tentang kesihatan seksual. Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam, jawapan yang diberikan Farah masih lagi kurang tepat untuk melambangkan makna kesihatan seksual. Ini berkemungkinan bahawa Farah juga masih belum benar-benar faham tentang maksud kesihatan seksual.

Jadual 2: Analisis Item bagi Dimensi Kesihatan Seksual (n = 84)

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	n	%	n	%	n	%	n	%
1. Saya selesa dengan jantina (orientasi seksual) saya.	11	13.1	7	8.3	15	17.9	51	60.7
2. Saya mempunyai tarikh seksual kepada rakan sejantina.	60	71.4	21	25.0	3	3.6	0	0
3. Saya pernah melakukan ciuman berahi dengan pasangan.	64	76.2	13	15.5	4	4.8	3	3.6
4. Saya pernah melakukan seks oral.	69	82.1	13	15.5	1	1.2	1	1.2
5. Saya pernah melakukan seks.	70	83.3	12	14.3	1	1.2	1	1.2
6. Seks tanpa nikah adalah OK.	68	81.0	13	15.5	1	1.2	2	2.4
7. Saya mempunyai rakan yang terlibat dalam salah laku seksual.	39	46.4	17	20.2	24	28.6	4	4.8

Farah turut berkongsi pengalamannya mempunyai dua rakan perempuan yang suka akan satu sama lain dan ditangkap sedang bercumbuan di bilik air sekolah dan beliau selaku Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) telah ditugaskan untuk memberikan khidmat nasihat kepada dua rakan tersebut. Selain itu, Farah dan Saiful juga tahu bahawa hubungan seks sebelum nikah adalah salah dan perbuatan tersebut bakal menjatuhkan maruah diri dan keluarga, “Kalau dah kahwin tu tak kisah, kalau sebelum kahwin – memalukan keluarga, menjatuhkan maruah diri, maruah keluarga.”

Farah dan Saiful yang merupakan responden lebih tua berbanding tiga yang lain turut tahu tentang kesan aktiviti seks rambang. Sebagai contoh, Farah menyebut bahawa perkara ini membawa pelbagai kesan negatif antaranya terdedah penyakit HIV dan AIDS serta boleh mengakibatkan ketagihan seks dan kehamilan luar nikah. Saiful menambah, akibat kehamilan luar nikah ini boleh mengakibatkan kecenderungan berlakunya gejala pembuangan bayi.

Kesimpulannya di sini adalah pergaulan bebas tanpa batasan berkemungkinan boleh menjelaskan kesihatan seksual remaja terutamanya sekiranya silap memilih kawan. Nor Jumawaton et al. (2018) telah membuktikan bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual bersandarkan hasil kajian mereka terhadap 130 remaja perempuan berumur 14 hingga 19 tahun yang telah hamil luar nikah dan ditempatkan di institusi perlindungan dan pemulihan di Selangor, Perak, Johor dan Kelantan. Justeru, para remaja perlu bijak dalam membuat pilihan rakan bergaul agar tidak terjebak ke dalam sebarang aktiviti negatif. Secara kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa sudah tiba masanya pendidikan seks diperkenalkan dengan lebih berstruktur kepada remaja di sekolah. Siti Syairah dan Ruzianisra (2012) mendapati 49.3 peratus responen mereka bersetuju pendidikan seks dapat membantu mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja yang masih bersekolah dan dalam masa yang sama 77.6 peratus pula menyatakan ia boleh diperkenalkan melalui subjek agama.

Penggunaan Media Sosial

Penggunaan media sosial adalah sangat sinonim dengan gaya kehidupan di zaman moden kini. Penggunaannya amat meluas tanpa mengira batasan had umur. Baik golongan kanak-kanak hinggalah kepada orang tua sedikit sebanyak telah pun terdedah kepada penggunaan media sosial. Hasil kajian daripada temu bual kumpulan berfokus mendapati media sosial yang digemari para remaja termasuk *WhatsApp*, *Instagram*, *Facebook*, *YouTube* dan permainan video *Mobile Legend*. Namun mereka menyatakan hanya segelintir yang menggunakan dengan kadar kekerapan yang tinggi. Setiap responden mempunyai kegemaran yang berbeza dalam penggunaan media sosial. Bagi Johan beliau lebih kerap bermain permainan video berbanding menggunakan media sosial seperti *WhatsApp*, *Instagram*, dan sebagainya. Beliau juga telah mengakui bahawa permainan video itu boleh menjadi faktor seseorang individu lewat mengerjakan solat. Farah pula lebih tersusun penggunaan media sosialnya yang mana beliau hanya menggunakan pada waktu malam sebelum waktu tidur. Aplikasi *WhatsApp* hanya dibuka sekiranya ada perkara penting dan *Instagram* hanya apabila beliau mahu memuat naik gambar kerana lebih gemar meluangkan masa bersama keluarga, “Itu yang tak suka tu... kalau tengah ramai-ramai dengan *family*, tiba-tiba ada yang main *phone*.” Mira pula lebih kerap menggunakan aplikasi *Instagram* dan menghantar mesej kepada orang lain serta bermain Dota.

Jadual 3 menunjukkan hasil perincian item yang terdapat dalam domain penggunaan media sosial. Seramai 69 orang responden (82.2%) cenderung bersetuju dengan pendapat bahawa saluran media sosial lebih banyak memberikan maklumat kepada mereka berbanding televisyen. Hal ini diakui oleh Saiful responden kumpulan berfokus yang mengakui bahawa beliau kerap melayari internet terutamanya aplikasi *YouTube* dan lebih jarang menonton televisyen. Hanya jika tiada capaian internet, barulah beliau akan menonton televisyen ataupun melakukan perkara lain selain menggunakan telefon android. Jika Saiful melayari laman *YouTube*, pada kebiasaananya beliau akan menonton rancangan WWE (gusti). Maklumat di televisyen dikawal oleh pihak siaran dan penonton hanya memilih berdasarkan pilihan yang sedia ada. Oleh itu, remaja lebih cenderung untuk memilih berita menerusi media sosial kerana ia bersifat lebih bebas dan mudah untuk mendapat capaian (Akmar Hayati & Siti Zobidah, 2015).

Walaupun remaja hari ini lebih tertumpu kepada media sosial sebagai sumber maklumat namun sebahagian besar daripada mereka iaitu seramai 61 orang responden (72.6%) masih meragui tentang kesahihan sumber maklumat yang mereka peroleh. Secara tidak langsung ini menunjukkan remaja ini masih berupaya untuk bersifat memilih dan membezakan di antara yang baik dan buruk serta yang benar mahupun salah. Dapatan ini turut disokong oleh hasil temu bual kumpulan berfokus. Mereka menyatakan mereka skeptikal dan tidak mempercayai mesej berantai yang menjanjikan imbuhan kredit tertentu (contoh RM30 atau RM100) dan pelbagai berita palsu lain. Saiful, Huda dan Farah berpendapat bahawa mereka akan bertanya pandangan orang lain terlebih dahulu sebelum mempercayai maklumat yang diterima. Farah juga menambah bahawa beliau akan menyiasat terlebih dahulu maklumat yang diragui walaupun dilihat sebagai penting. Namun, bagi Johan dan Mira mereka memilih untuk terus mengabaikan sahaja sebarang berita yang diragui. Seramai 29 orang responden (34.5%) mengakui pernah melihat gambar-gambar lucah melalui media sosial dan hanya 8.4 peratus (n=7) bersetuju bahawa mereka menggunakan media sosial untuk aktiviti tidak berfaedah. Menurut responden temu bual berfokus gambar-gambar lucah yang ditonton lebih kepada berbentuk *pop-up* di paparan skrin mereka. Sebagai contoh, Farah dan Saiful berkongsi bahawa mereka sering terlihat perkara tersebut di aplikasi Instagram melalui iklan dan juga apa yang rakan-rakan mereka telah ‘like’. Saiful juga berpendapat bahawa keadaan itu juga boleh berpunca daripada virus di alam maya.

Jadual 3: Analisis Item bagi Dimensi Penggunaan Media Sosial (n = 84)

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	n	%	n	%	n	%	n	%
1. Saya mendapat banyak maklumat melalui saluran media sosial berbanding televisyen	3	3.6	12	14.2	45	53.6	24	28.6
2. Saya mudah mempercayai berita yang disebarluaskan melalui media sosial.	11	13.1	50	59.5	14	16.7	9	10.7
3. Saya pernah melihat gambar-gambar lucah melalui media sosial.	22	26.2	33	39.3	27	32.1	2	2.4
4. Saya menggunakan media sosial untuk aktiviti-aktiviti berfaedah.	3	3.6	4	4.8	43	51.1	34	40.5
5. Saya menggunakan media sosial untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian (online)	14	16.7	25	29.8	27	32.1	18	21.4
6. Saya banyak menghabiskan masa dengan media sosial berbanding keluarga.	17	20.3	40	47.6	21	25.0	6	7.1

Peratusan yang besar (92.6%) bersetuju bahawa mereka menggunakan media sosial bagi melakukan perkara berfaedah. Salah satu di antara perkara ini termasuklah melakukan perniagaan

secara dalam talian di mana kajian ini mendapati seramai 45 orang responden (53.5%) menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian menggunakan media sosial. Dapatan ini mirip keputusan kajian yang dilakukan oleh Shahrul Nazmi et al. (2019) yang mendapati bahawa sebanyak 58.6 peratus remaja PPR menggunakan media sosial sebagai sebahagian aktiviti perniagaan mereka yang dijalankan secara dalam talian. Keputusan ini amat memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa kemahiran yang diperoleh remaja daripada kelas kemahiran yang disertai menerusi program GENIUS Remaja berupaya membuaikan hasil. Sebagai contoh, bagi remaja yang menyertai kelas kek dan pastri setelah memperoleh kemahiran membuat resepi-resepi tertentu dengan minat yang ada mereka boleh mula mengambil tempahan daripada rakan-rakan dan penduduk setempat. Tenaga pengajar akan sentiasa memberikan bimbingan dan dorongan serta tunjuk ajar. Aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan ini sedikit sebanyak dapat memerikan sumber pendapatan bagi menampung keperluan harian dan kehendak mereka tanpa bergantung harap kepada ibu bapa. Hal ini disokong oleh Huda responden daripada temu bual berfokus yang menyatakan bahawa beliau berpengalaman dalam menjual barang makanan secara dalam talian, “Jual coklat dengan cheesecake. Sekarang tak. Sebab dulu *family* buat, saya tolong jual je.”

Walaupun gadget terutama telefon android sangat mempengaruhi kehidupan remaja masa kini namun setakat ini mereka masih mengakui bahawa masa bersama keluarga jauh lebih penting seperti mana yang dibuktikan oleh seramai 57 orang responden (67.9%). Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa ibu bapa remaja yang tinggal di kawasan PPR/ PPA masih lagi menunjukkan aktiviti pengawalan media sosial anak-anak mereka. Berbeza dengan hasil kajian temu bual berfokus mendapati dua daripada lima responden menyatakan bahawa ibu bapa tidak memantau penggunaan media sosial mereka. Sebagai contoh, Saiful sendiri menyatakan bahawa beliau tidak membenarkan ibu bapa atau penjaganya untuk memantau penggunaan media sosial beliau. Manakala Farah pula memaklumkan bahawa setiap ahli keluarga dan adik-beradiknya bebas menggunakan telefon android mereka mengikut kemahuan peribadi. Dapatan ini dilihat selari dengan kajian oleh Suhaniya Kalaisilven dan Mohamad Fauzi (2019) yang mendapati semakin tinggi tahap pendidikan ibu bapa maka semakin tinggi tahap kawalan mereka terhadap penggunaan media sosial anak-anak. Antara dapatan mereka terhadap kebersetujuan tentang bentuk kawalan termasuk pengintipan aktiviti sosial anak di media sosial (tahap pendidikan rendah 57.1%, menengah 78.9% dan tinggi 92.0%), mempunyai peraturan penggunaan media sosial (tahap pendidikan rendah 66.1%, menengah 89.5% dan tinggi 96.0%) dan mengguna perisian penapisan internet sebagai satu bentuk pengawalan penggunaan media sosial (tahap pendidikan rendah 41.1%, menengah 52.6% dan tinggi 56.0%).

Ujian Korelasi

Hubungan positif yang lemah tetapi signifikan juga didapati daripada penggunaan media sosial terhadap kesihatan seksual ($r = 0.355$, $p < 0.01$) (Jadual 4). Keputusan ini menunjukkan tahap kesihatan seksual meningkat sekiranya responden menggunakan media sosial dengan baik. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian lepas oleh Nasrudin et al. (2020) yang turut memperoleh keputusan yang seiras ($r = 0.215$, $p < 0.01$). Hal ini dapat juga penyelidik kaitkan dengan perkongsian daripada responden sesi seni bahawa mereka melihat gambar lucu melalui

media sosial dan hal tersebut berkemungkinan bakal mempengaruhi remaja sehingga terlibat dalam pornografi.

Jadual 4: Keputusan Ujian Korelasi Pearson di antara Penggunaan Media Sosial dengan Kesihatan Seksual

Penggunaan Media Sosial	Korelasi Pearson	Sig (2-tailed)	Tahap kekuatan hubungan
Kesihatan seksual	0.355**	0.01	Lemah

KESIMPULAN

Kesimpulannya isu kesihatan seksual dan juga penggunaan media sosial perlu terus dipantau dan diberi perhatian agar remaja berupaya bersifat asertif bagi menjamin kehidupan yang lebih sejahtera di masa akan datang. Korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah tetapi signifikan di antara penggunaan media sosial dengan kesihatan seksual. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial oleh remaja perlu sentiasa dipantau oleh mereka yang lebih dewasa agar penggunaannya tidak disalah guna yang berupaya menjebakkkan mereka ke kancang maksiat. Disarankan agar program GENIUS Remaja terus memberi penekanan terhadap kedua aspek ini menerusi takwim aktiviti sepanjang tahun mengikut kesesuaian. Selain itu, peranan pengurus pusat komuniti GENIUS Remaja dan juga tenaga pengajar GENIUS Remaja yang sememangnya dekat dengan para remaja perlu diperkasa dalam memantau dan mendidik sahsiah para remaja sekalian agar mereka menjadi insan berkekerti tinggi.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA), UKM di atas bantuan dan sokongan dalam menjayakan kajian sehingga terhasilnya penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Siti Zobidah Omar. (2015). Motivation in information searching through “mobile news” by Malaysian youth. *Journalism and Mass Communication*, 5(6), 263-269.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101.
- Choudhary, I. R., & Saha, B. (2015). Impact of Facebook as a social networking site (SNS) on youth generations: A case study of Kolkata City. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 4(6), 28-42.
- Coon, D. & Mitterer, J. O. (2012). *Introduction to psychology: Active learning through modules*. (12th ed.). Belmont, CA.: Wadsworth Cengage Learning.
- Creswell, J.W. (2012). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. (3rd ed.). Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.

- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Shahrul Nazmi Sannusi & Mohd Nasir Selamat. (2017). *Kesejahteraan diri remaja di kawasan perumahan rakyat di Malaysia*. Laporan Akhir Penyelidikan PERKASA Remaja, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haja Mydin Abdul Kuthoos, Noraida Endut, Azman Azwan Azmawati, Intan Hashimah Mohd Hashim & Nor Hafizah Selamat. (2016). Penerokaan awal terhadap jenayah seksual dalam kalangan remaja lelaki di Malaysia: satu kajian kes terhadap remaja di sebuah pusat pemulihan. *Kertas kerja 3rd KANITA Postgraduate International Conference on Gender Studies*. Anjuran Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA), Universiti Sains Malaysia, Penang, 16-17 November.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Miller, D., Costa, E., Haynes, N., McDonald, T., Nicolescu, R., Sinanan, J., Spyer, J., Venkatraman, S. & Xinyuan, W. (2016). *How The World Changed Social Media, London*: UCL Press.
- Nasrudin Subhi, Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Azianura Hani Shaari, Mohd Nasir Selamat, Zaizul Ab Rahman, Shahrul Nazmi Sannusi & Daniella M Mokhtar. (2020). Sexual health among youth-at-risk in Kuala Lumpur. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(4), 4310-4322.
- Nor Jumawaton, S., Mariani, M., Zainal, M., & Hanina, H. H. (2018). Hubungan pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. *Akademika*, 88(2), 81-94.
- Schwartz, S. J. (2008). Self and identity in early adolescence: Some reflections and an introduction to the special issue. *Journal of Early Adolescence*, 28(1), 5-15.
- Shahjahan, A. T. M., & Chisty, K. U. (2014). Social media research and its effect on our society: World academy of science, engineering and technology. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, 8(6), 2009-2013.
- Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 101-118.
- Siti Syairah Mohd Mutalip & Ruzianisra Mohamed. (2012). Sexual education in Malaysia: accepted or rejected?. *Iranian Journal of Public Health*, 41(7), 34-39.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*, 86(2), 31-42.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Jurnal e-Bangi*, 1(Special Issue, October), 214-226.
- Suhaniya Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi. (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial. *Akademika*, 89(1), 111-124.
- Syed Ahmad Muhajir Alhaddad Syed Esa, Nurul Hudani Md Nawi & Agnis Sombuling. (2018). Excessive Smartphone Usage among Early Adolescents: Impact on Social Competence. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(2), 1-14.

- WHO. (2006). *Defining sexual health: report of a technical consultation on sexual health*. 28-31 January 2002, Geneva. Geneva: World Health Organization.
http://www.who.int/reproductivehealth/topics/gender_rights/defining_sexual_health.pdf
- WHO. (2021). *Sexual health: Overview*. https://www.who.int/health-topics/sexual-health#tab=tab_1.

MAKLUMAT PENULIS

NASRUDIN SUBHI

Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
nas2575@ukm.edu.my

NUR ALYA ABDUL RAZAK

Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
Unit 19-8, 19th Floor, Menara Oval Damansara
No 685, Jalan Damansara, Kuala Lumpur
alyabdulrazak6@gmail.com

ROZITA IBRAHIM (Pengarang Koresponden)

Pusat Pengajian Citra
Universiti Kebangsaan Malaysia
eta@ukm.edu.my